

Johor tidak berdepan krisis air – Bakaj

JOHOR BAHRU – Badan Kawal Selia Air Johor (Bakaj) menjangkakan negeri ini tidak berdepan dengan krisis air walaupun cuaca panas mengakibatkan rata-rata empangan kini di bawah paras kritikal.

Pengarah Bakaj, Mohd. Riduan Md. Ali berkata, pihaknya telah mengambil beberapa langkah bagi memastikan paras air empangan stabil sekali gus mampu membekalkan air mencukupi kepada seluruh penduduk.

“Kita lakukan pelbagai cara untuk atasi krisis air daripada berlaku, catuan air juga tidak berlaku kerana kami dapat mengawal paras air di empangan dengan cara pengaliran air mentah dari sumber seperti sungai.

“Kita ambil langkah terse-



EMPANGAN Sungai Lebam di Kota Tinggi merupakan antara tujuh empangan yang membekal air kepada penduduk Johor.

but untuk menaikkan paras air di empangan yang menyusut berikutan cuaca panas, dengan cara itu kami dapat stabilkan paras air,” kata beliau selepas taklimat berkaitan cuaca panas dan kering di sini semalam.

Sehubungan itu, Mohd.

Riduan menasihatkan orang ramai agar menggunakan air secara berhemah supaya negeri ini tidak menghadapi krisis bekalan dan catuan air.

Johor mempunyai tujuh empangan tetapi tiga empangan utamanya ialah Empangan Sungai Lebam di Kota

Tinggi, Empangan Layang di Masai, Empangan Congok di Mersing.

Ditanya mengenai pembenihan awan, beliau berkata, pihaknya akan mengambil langkah berkenaan sekiranya keadaan awan bersesuaian.

Sebagai langkah mencegah kejadian kecurian dan pencemaran sumber air seperti sungai, Riduan berkata, pihaknya telah melantik lapan penguat kuasa untuk memantau aktiviti haram yang boleh menjejaskan bekalan sumber air.

“Kerajaan negeri telah meluluskan pelantikan itu. Kami akan mengambil tindakan ke atas pesalah dengan mengenakan kompaun RM500,000 bagi kesalahan pencemaran air manakala RM300,000 bagi kes curi air,” katanya. – Bernama